


## Dalam Negeri

14/12/2021 M/S : 32 UTUSAN MALAYSIA

# Rezeki kontraktor daratkan ikan kenerak jarang jumpa



**MOHAMAD SYAFIRDAUS HAMAT SHAFI** bersama ikan kenerak seberat 10.04 kilogram yang dipancing di Sungai Kelantan, berhampiran Kampung Kasar, Pasir Mas, Kelantan, Sabtu lalu.

Oleh TOREK SULONG  
utusannews@mediamulia.com.my

**PASIR MAS:** Seorang kaki pancing mendapat rezeki terpijak selepas mendaratkan seekor ikan kenerak yang beratnya lebih 10 kilogram di Sungai Kelantan, dekat Kampung Kasar, di sini, Sabtu lalu.

Kontraktor, Mohamad Syafirdaus Hamat Shafi, 31, berkata, selepas selesai kerja menghantar bekalan susu ke beberapa klinik kesihatan sekitar daerah ini, dia membuat keputusan memancing di situ kira-kira pukul 6 petang kelmarin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohamad Syafirdaus berkata, dia mengambil masa kira-kira 20 minit untuk 'bertarung' sebelum mendaratkan spesies jarang ditemukan seberat 10.04 kilogram itu dengan bantuan rakan-rakan.

"Sebenarnya saya hampir membatalkan hasrat selepas melihat ramai kaki pancing sudah berada di tebing sungai. Namun saya turun berbekalkan umpan tiruan atau gewang

dasar jenama Zero 70F.

"Saya tidak tunggu lama, sebaliknya hanya sekali campak ke tengah sungai, umpan terus direntap kuat 'habuan' yang saya jangka besar berdasarkan kekuatannya itu," katanya ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurut Mohamad Syafirdaus, sangkaannya tidak meleset kerana selepas berusaha menarik tali pancing, seekor kenerak atau nama saintifiknya Bagarius sedang bergelut cuba melepaskan diri daripada mata kail.

Difahamkan, di Kelantan ikan berdaging kuning tersebut dijual dengan harga RM40 sekilogram. Mohamad Syafirdaus bagaimanapun hanya menjual hasil pancingannya itu pada harga RM100 seekor kepada seorang pembeli di situ.

"Harga ikan itu sepatutnya mencecah RM400 tetapi tidak apalah. Buat apa berkira, lebih-lebih lagi selang 10 minit kemudian saya sekali-lagi berjaya mendaratkan ikan spesies sama seberat 3.5 kilogram untuk jualah seisi keluarga," ujarnya.